

UMS meterai MoA dengan pengusaha agro-makanan terbesar Asia

UB 15.02.20 2

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama JAPFA Comfeed Indonesia, sebuah syarikat pembuat makanan ternakan yang terbesar di Asia dengan perniagaan multimilion dalam sektor penternakan haiwan, akuakultur, perdagangan dan perkhidmatan.

Upacara menandatangani MoA itu berlangsung di ibu pejabat JAPFA di Singapura baru-baru ini menyaksikan UMS diwakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin.

JAPFA diwakili oleh Ardi Budiono, Naib Presiden merangkap Ketua Bahagian Akuakultur, PT Suri Tani Pemuka (STP) iaitu sebuah syarikat subsidiari JAPFA.

Menurut Taufiq, kerjasama berkenaan akan mem-



KENANGAN: Taufiq (tengah) bersama Handojo (duduk kiri) dan Sitti Raehanah (duduk kanan) bersama tetamu kehormat lain merakamkan gambar kenangan.

fokuskan kepada program latihan dan pemindahan ilmu akuakultur kepada kakitangan JAPFA yang kini sedang dalam rangka membangunkan sebuah institusi akuakultur di Indonesia.

“Sebelum ini UMS dan JAPFA sebenarnya sudah mengadakan pelbagai kerjas-

ama termasuk dalam bidang penyelidikan dan perkongsian kepakaran.

“Kerjasama dan kepercayaan yang diberikan ini pasti akan meningkatkan keterlihatan UMS di pentas global dan meningkatkan citra serta reputasi UMS dalam bidang akuakultur,” katanya

dalam satu kenyataan di sini semalam.

Pada upacara pemeteraian MoA berkenaan, STP JAPFA turut menyempurnakan penyerahan dokumen kontrak penyelidikan kepada Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS bernilai RM220,000 bagi memulakan

program latihan akuakultur seperti yang terkandung dalam dokumen MoA.

Turut hadir menyaksikan upacara itu ialah Pengerusi Eksekutif JAPFA Handojo Santosa dan Pegarah IPMB Prof. Dr. Sitti Raehanah Muhamad Shaleh.

Taufiq berkata, kerjasama JAPFA-UMS melalui IPMB telah bermula sejak 10 tahun yang lalu melalui khidmat jururunding kepakaran oleh Prof. Dr. Shigeharu Senoo yang merupakan kakitangan akademik di IPMB.

“Kemudian pada tahun 2016, JAPFA telah menganugerahkan kontrak penyelidikan bernilai RM180,000 kepada Prof. Madya Dr. Faihanna Ching untuk mengetuai projek penyelidikan dengan fokus kajian kematangan gonad ikan belut bagi memperkasakan industri akuakultur dalam bidang ternakan ikan belut.

“Pada tahun 2019, JAPFA telah menghantar beberapa kakitangannya ke IPMB UMS untuk menjalani latihan dalam bidang akuakultur bagi memperkasakan sumber manusia dalam bidang akuakultur,” katanya.

Untuk rekod JAPFA Comfeed Indonesia mempunyai

seramai 38,000 pekerja dari tujuh buah negara di rantau Asia termasuk China.

Kekuatan syarikat ini juga merangkumi sektor ternakan haiwan iaitu meliputi unit pengeluaran makanan ternakan, unit pembiakan ayam dan lembu, serta unit perniagaan pertanian.



AKUAKULTUR: Beberapa kakitangandari JAPFA menjalanilatihan intensif akuakultur selama satu bulan di IPMB, UMS.